

# KONSEP KELUARGA SAKINAH DALAM ISLAM, PERBINCANGAN SISI PANDANG MUFASIRIN

Muhammad Wafiq bin Muhammad Fauzi<sup>i</sup> & Mohamed Akhiruddin Ibrahim<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Penulis Koresponden). Pelajar Pascasiswazah. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

wafiq.muhd@gmail.com

<sup>ii</sup> Profesor Madya. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

akhiruddin@usim.edu.my.

## Abstrak

*Kajian ini mengenai konsep pengasuhan Dalam membentuk Keluarga yang bahagia mengikut dijelaskan dalam Al-Qur'an Surah Ar-Rum Ayat 21 (30:21). Matlamatnya, adalah untuk menerangkan dan memberi kefahaman yang jelas tentang cara-cara membina keluarga Sakinah yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan rumah tangga. Untuk mencapai matlamat ini, pengkaji cuba meneliti banyak pendapat sarjana dan menganalisisnya dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah kepustakaan. Selain itu, kaedah eksegesis tematik digunakan bagi mengumpulkan ayat dari Al-Quran, hadith sumber berkaitan bagi membincangkan tentang tajuk atau isu berkaitan dengan konsep keluarga Sakinah dalam Islam. Dengan menggunakan kaedah ini, ia dapat memberikan penjelasan yang menyeluruh tentang konsep perkahwinan dalam Islam untuk membentuk dan mengekalkan kesinambungan keluarga berdasarkan garis panduan dan peraturan agama. Berdasarkan hasil analisis, kajian ini juga menjelaskan konsep Sakinah, Mawaddah, WaRahmah dari perspektif ahli tafisr bagi mewujudkan keharmonisan, kedamaian dan ketenangan berdasarkan landasan agama. Kajian ini penting untuk menjelaskan salah satu matlamat perkahwinan iaitu bagi mewujudkan konsep keluarga Sakinah.*

Kata kunci: *Keluarga, Sakinah, Islam, Mufassirin*

## PENDAHULUAN

Dalam Islam, perkahwinan merupakan salah satu ibadah yang tidak boleh dipisahkan daripada tuntutan syariat bagi mewujudkan sesebuah keluarga. Perkahwinan boleh diertikan sebagai satu perjanjian yang mengandungi syarat dan rukun tertentu bagi menghalalkan setiap pasangan yang dibina di sisi syarak dan undang-undang yang ditetapkan. Wan Abdul Fattah et al. (2022) dan Wan Ismail et al. (2018) menyatakan bahawa perkahwinan adalah salah satu tuntutan agama yang meraikan fitrah semulajadi penciptaan manusia untuk hidup secara berpasangan-pasangan bagi menunjukkan satu rahmat dan tanda kebesarannya.

Perkahwinan juga merupakan fasa kehidupan yang menggalakkan keturunan dan sangat dituntut oleh Islam. Melalui perkahwinan, generasi Islam yang

sempurna intelektual dalam masyarakat dapat berkembang di seluruh dunia. Pembentukan rumahtangga dalam Islam adalah merupakan sebahagian daripada elemen penting ke arah mengekalkan kehidupan masyarakat yang harmoni berlandaskan hukum syarak. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ  
يَتَفَكَّرُونَ ٢١

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu pasangan-pasangan daripada jenismu sendiri, supaya kamu merasa nyaman kepadanya. Dan Dia menjadikan di antara kamu rasa belas kasihan dan belas kasihan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang yang berfikir (Surah Al-Rum, 30: 21).

Dalam firman Allah SWT yang lain juga ada menyatakan bahawa Al-Quran diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia untuk memberi petunjuk dan membimbing kepada manusia untuk mewujudkan kehidupan yang penuh kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat. Keluarga dalam pandangan Islam, terdiri daripada suami, isteri, dan zuriat. Perkahwinan berlandaskan perundangan Islam, peraturan agama, hukum perkahwinan, rukun dan syarat nikah untuk menjamin kesejahteraan masyarakat, di samping memperoleh kebahagiaan dan kesejahteraan dalam mencapai matlamat rumahtangga.

Menurut peraturan yang ditentukan oleh syarak Islam, iaitu Ijab dan Qabul ('aqad) adalah merujuk kepada menghalalkan persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang diucapkan oleh kata-kata yang menunjukkan nikah. Justeru, perkahwinan yang berlaku adalah suatu cara perhubungan yang dibenarkan oleh Allah S.W.T kepada pasangan untuk memikul amanah dalam merealisasikan kebahagiaan yang harmoni untuk mengekalkan keturunan manusia.

Perkahwinan juga satu perkara yang ditekankan oleh Al-Quran dan hadis ke atas pasangan yang bersedia bagi menempuh alam perkahwinan. Apabila seorang mukallaf yang telah mencapai umur yang dewasa serta cukup daripada segi kemampuan untuk digalakkan menikah sebagai salah satu cara untuk mengawal nafsu dan menjauhi penzinaan. Perkahwinan merupakan Sunnah Rasulullah SAW yang dirujuk melalui nas Al-Quran dan hadis. Justeru, fitrah dalam membina rumahtangga dilalui oleh setiap pasangan dalam membina kehidupan dengan memikul tanggungjawab bersama bagi mencapai matlamat dalam mencapai sempurna dan bahagia. Ini jelas dinyatakan dalam sabda Rasulullah S.A.W:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ

Maksudnya: Wahai anak muda. Sesiapa daripada kamu yang mampu untuk perkahwinan, hendaklah dia perkahwinan. Sesiapa yang tidak mampu, hendaklah dia

berpuasa. Sesungguhnya puasa itu adalah perisai (Sahih al-Bukhari, Kitab an-Nikah, hadis no: 5065).

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan secara terperinci berkenaan Konsep Keluarga Sakinah Menurut Perspektif Mufassrin. Konsep Sakinah telah diperkenalkan dalam Al-Quran bagi membentuk dan membimbing ciri-ciri keluarga untuk selari dengan landasan Islam. Lafaz Sakinah adalah sebagai ciri-ciri panduan yang perlu ada bagi mendirikan menbina keluarga untuk mencapai matlamat keluarga bahagia, harmoni dan kesejahteraan. Konsep ini memberi panduan yang penting untuk orang Islam dengan menunjukkan kehambaan hakiki dalam kehidupan alam rumahtangga bagi mencapai redha Ilahi dan mendapat naungan di mana tiada naungan di bawah kekuasaanNya.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka konsep pengasuhan dalam membentuk keluarga bahagia mengikut perspektif Al-Qur'an yang disebut dalam Surah Ar-Rum ayat 21. Untuk mencapai matlamat kajian, pengkaji memanfaatkan kaedah kepustakaan dengan meneliti pelbagai pendapat sarjana dan analisis teks. Kaedah eksegesis tematik digunakan untuk mengumpulkan dan menganalisis ayat-ayat Al-Quran dan hadith berkaitan dengan konsep keluarga Sakinah dalam Islam. Melalui analisis ini, kajian ini berusaha memberikan penjelasan menyeluruh mengenai prinsip-prinsip perkahwinan dalam Islam yang menyokong pembentukan dan pemeliharaan kesinambungan keluarga berdasarkan panduan agama. Selain itu, kajian ini juga menilai konsep Sakinah, Mawaddah, dan WaRahmah daripada perspektif ahli tafsir untuk mewujudkan keharmonian, kedamaian, dan ketenangan dalam konteks keluarga. Metodologi ini bertujuan untuk memperjelas matlamat perkahwinan dalam Islam, khususnya dalam membentuk keluarga Sakinah yang sejahtera.

## **DAPATAN KAJIAN**

Pengertian perkahwinan ataupun lebih dikenali sebagai "nikah" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2003) ialah akad (perjanjian) yang mengandungi lafaz ijab dan kabul yang menghalalkan pasangan lelaki dan perempuan untuk melakukan persetubuhan, perkahwinan.

Manakala pengertian nikah menurut Kamus Pelajar (2008) pula ialah ikatan yang sah antara lelaki dengan perempuan untuk hidup sebagai suami isteri; perkahwinan. Jika tidak ada saksi, maka perkahwinannya tidak sah.

Pengertian perkahwinan atau nikah dari pembahasan fiqh yang diambil dari Al-Syatiri, (2020) merujuk kepada sejenis akad yang boleh menghalalkan hubungan di antara seorang lelaki dan perempuan untuk bersedap-sedapan atau bermesra dengan rukun dan syarat yang tertentu serta menggunakan lafaz inkah, tazwij atau terjemahan kepada dua perkataan tersebut. Definisi ini menggambarkan akad perkahwinan yang menyatukan antara seorang lelaki dan perempuan membolehkan

setiap pasangan untuk mengambil manfaat dengan pasangan masing-masing dengan cara saling bermesra untuk mencapai keseronokan sesama mereka.

Menurut Naim (t.t) perkataan nikah berasal daripada perkataan arab *nakaha-yankihu-nikahan* yang bermaksud kahwin, manakala dalam istilah pula nikah bermaksud ikatan suami isteri yang sah yang menimbulkan akibat hukum dan hak serta kewajipan bagi suami dan isteri. Dengan wujudnya ikatan pernikahan, Allah mengkehendaki agar mereka untuk mengemudi bahtera kehidupan alam perkahwinan. Sunatullah berupa perkahwinan ini bukan hanya berlaku dalam kalangan manusia malah di dunia haiwan. Kenyataan ini jelas dapat dilihat dalam Al-Quran, Allah swt berfirman:

وَمِنْ كُلِّ شَيْءٍ خَلَقْنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya: Dan tiap-tiap jenis Kami ciptakan berpasangan, supaya kami dan mengingatkan (kekuasaan kami dan mentauhidkan Kami) (Surah Az-zariyat ayat 49).

Namun demikian, Allah swt tidak menghendaki perkembangan dunia berjalan sekehendaknya. Oleh sebab itu diaturNya naluri yang ada pada manusia dan dibentuk untuk mereka prinsip-prinsip dan undang- undang, sehingga naluri manusia tetap utuh dan terjaga, bahkan semakin baik, suci dan bersih sesuai fitrah mereka. Demikianlah, segala urusan yang ada pada jiwa manusia sebenarnya tidak pernah terlepas dari pandangan Allah swt. Oleh itu, perkahwinan boleh difahami sebagai perjanjian yang mengandungi lafaz ijab dan kabul yang menghalalkan pasangan lelaki dan perempuan untuk melakukan perisetubuhan dengan rukun dan syarat yang tertentu.

### **Pensyariatan Perkahwinan Menurut Fiqh**

Perkahwinan merupakan sesuatu yang disyariatkan dalam Islam. Al-Zuhaili (2015) menjelaskan bahawa perkahwinan diharuskan dan dituntut untuk dilaksanakan oleh individu Muslim berdasarkan nas-nas ayat Al-Quran, hadis dan ijmak ulamak sebagai mana akan dinyatakan seperti berikut:

1)Al-Quran:

فَأَنكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبْعَ

Maksudnya: maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat (Surah An-Nisa:3).

2) Hadis:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَعْزُّ لِلْبَصْرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ

Maksudnya: Wahai anak muda. Sesiapa daripada kamu yang mampu untuk berkahwin, hendaklah dia berkahwin. Sesungguhnya ia akan menundukkan pandangan dan memelihara kemaluan. Sesiapa yang tidak mampu hendaklah dia berpuasa. Sesungguhnya puasa itu adalah perisai (Sahih Muslim, Kitab an-Nikah, hadis no: 1400).

3) Ijma Ulama:

Menurut Al-Zuhaili (2015), Perkahwinan telah ada dalam syariat seawal pada zaman nabi Adam AS. Pensyariatan tersebut diteruskan pada semua zaman kenabian. Al-Shirbini (1994) juga menambah perkahwinan di dunia yang dibina bertujuan mendapatkan redha tuhan akan berkekalan hingga masuk ke dalam syurga.

Oleh itu, perkahwinan merupakan Sunnah Rasulullah SAW yang dianjurkan berdasarkan nas Al-Quran dan hadis, inilah fitrah yang dilalui oleh manusia dalam membina kehidupan dengan sempurna dan bahagia.

### Hukum berkahwin

Setiap manusia mempunyai keinginan secara semula jadi untuk berpasang-pasangan. Hukum berkahwin yang asal ini boleh berubah kepada hukum lain bergantung kepada situasi atau keadaan individu yang ingin berkahwin. Dalil pensyariatan perkahwinan boleh difahami dari Al-Quran dalam surah An-nisa:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُفْسِدُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَنِّيٰ وَتِلْكَ وَرُبِعٌ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةٌ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَذَىٰ آلَا تَعُولُوا ۝ ٣

Maksudnya: Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman ( Surah An-Nisa ayat 3).

Berdasarkan ayat di atas, Sigit (2019) menyatakan hukum berkahwin terbahagi kepada 5 hukum iaitu, wajib, harus, sunat, makruh dan haram.

Pertama, hukum menjadi wajib apabila seorang yang memiliki nafsu yang kuat sehingga ia mampu terjerumus ke lembah kemaksiatan sedangkan dia mampu untuk bernikah.

Kedua, hukum menjadi sunnah kepada orang yang mampu tetapi dapat mengawal nafsu

Ketiga, hukum menjadi haram kepada orang yang tidak berkemampuan memberi nafkah lahir dan batin, dan ia sendiri tidak berkuasa (lemah), tidak mempunyai keinginan untuk menikah dan jika ia menikah pasti akan menganiaya isterinya.

Keempat, hukum menjadi harus kepada orang tidak ada padanya larangan untuk berkahwin, dan ini merupakan asal hukum kepada perkahwinan.

Kelima, hukum menjadi makruh apabila orang yang tidak ada kemampuan nafkah dari segi lahir dan batin tetapi ia tidak akan memudharatkan si isteri.

## **Rukun-rukun dan syarat-syarat perkahwinan dalam agama Islam**

Daripada sudut perundangan fiqh, perkahwinan memiliki syarat dan rukunnya tersendiri. Bagi mengesahkan perkahwinan antara pasangan yang berkahwin daripada perspektif syarak, setiap perkahwinan itu mesti memenuhi rukun berserta syarat yang ada. Dalam Islam, setiap pasangan yang ingin berkahwin mestilah mempelajari syarat-syarat, rukun-rukun dan hal-hal berkaitan dengan perkahwinan agar ikatan perkahwinan yang dibina bukan sahaja sah di sisi syarak dan undang-undang malah memperoleh keberkatan dalam melaksankannya. Berikut dinyatakan lima rukun perkahwinan dan syarat-syaratnya yang ditetapkan dalam fiqh kekeluargaan:

### **A. Calon pengantin lelaki**

Menurut Abd Fattah (2022) Antara ciri-ciri yang perlu ada buat calon pengantin lelaki yang bakal menjadi calon suami

- 1) Beragama Islam seperti mana dinyatakan oleh Al-Dusuqi, (2011)
- 2) Tidak berada dalam keadaan ihram haji atau umrah.
- 3) Diyakini akan jantina kekelakiannya.
- 4) Penentuan terhadap dirinya adalah jelas dan dikenal pasti oleh calon isteri.
- 5) Membuat pilihan sendiri bukan secara paksaan.
- 6) Al-Syatiri, (2020) menjelaskan bahawa mengetahui dengan yakin kedudukan calon isteri sebagai bukan mahram kepadanya. Al-Zuhaili, (2015) menjelaskan dalam syarat ini bagi calon lelaki tidak mempunyai halangan lain untuk berkahwin dengan calon perempuan
- 7) Mempunyai keahlian dalam kelayakan untuk berkahwin iaitu merupakan seorang yang telah mencapai usia baligh dan berkal serta berkeahlian dalam mengendalikan urusan harta sekiranya dia sendiri yang menjalankan akad seperti mana dijelaskan oleh Al-Zuhaili (2015).

### **B. Calon pengantin Perempuan**

Menurut Abd Fattah (2022) Antara ciri-ciri yang perlu ada buat calon pengantin perempuan yang bakal menjadi calon isteri:

- 1) Tidak tergolong dalam kalangan mereka yang mempunyai halangan untuk berkahwin sama ada kerana ada pertalian dengan calon suami dari sudut nasab, persemendaan dan susuan.
- 2) Penentuan terhadap dirinya adalah jelas dan dikenal pasti secara khusus oleh calon suami sama ada dengan cara pengenalan nama, memberitahu sifat yang tertentu atau menunjukkan kepada dirinya.
- 3) Tidak berada dalam keadaan ihram haji atau umrah seperti mana dinyatakan oleh Al-Zuhaili (2015).
- 4) Diyakini sebagai Perempuan, dan bukan jantina selainnya seperti mana dinyatakan oleh Al-Dusuqi (2011).

### **C. Kewujudan Wali**

Dalam Kamus Dewan (2015), wali secara literalnya difahami sebagai orang yang boleh menikahkan pengantin perempuan. Wali merupakan pengusaha atau orang yang berkuasa dalam urusan perkahwinan seperti mana dijelaskan oleh Mohamad Som dan Abdul Basir, (2009). Al-Hisni, (t.t.) menyatakan bahawa kewujudan dan keizinan wali akan menentukan sahnya sesuatu akad perkahwinan dalam agama Islam. Menurut al-Khatib al-Syirbini (1994), rukun asas untuk mendapatkan pengesahan sesebuah perkahwinan adalah keizinan perkahwinan daripada wali bakal pengantin perempuan. Berikut merupakan jenis-jenis Wali dalam perkahwinan:

#### *1. Wali mujbir*

Menurut Al-Jaziri, (1999) wali mujbir ialah wali nikah yang berkuasa untuk mengahwinkan seorang gadis atau janda dengan sesiapa sahaja yang dia persetujui. Mereka hanya terdiri daripada dua orang ahli keluarga daripada wakil pengantin perempuan iaitu bapa kandungnya dan ayah kepada bapa kandung iaitu datuknya serta ke atas

#### *2. Wali aqrab*

Wali terdekat mengikut susunan yang layak dan berhak menjadi wali.

#### *3. Wali ab'ad*

Wali yang jauh sedikit mengikut susunan yang layak menjadi wali, jika ketiadaan wali aqrab berkenaan. Wali ab'ad ini akan berpindah kepada wali ab'ad lain seterusnya mengikut susunan tersebut jika tiada yang terdekat lagi.

#### *4. Wali raja/hakim*

Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, Seksyen 2 (1) Wali Hakim ditakrifkan sebagai wali yang ditauliahkan oleh Yang DiPertuan Agong dalam hal Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak atau oleh Raja dalam hal sesuatu negeri lain untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali dari nasab.

### **Susunan wali mujbir (wali yang utama)**

Para fuqaha telah menetapkan susunan wali yang mesti diikuti mengikut tertib susunan wali. Kuasa wali tidak berpindah kepada orang lain selagi wali yang berada di kedudukan awal masih hidup dan mampu melaksanakan tanggungjawabnya sebagai wali. Berikut dikemukakan tertib susunan wali dalam Mazhab Syafie yang menjadi pegangan umat Islam di Malaysia secara amnya. Mazhab Syafie sebagaimana mazhab Maliki membahagikan wali nikah kepada mujbir dan bukan mujbir. Walau bagaimanapun, wali mujbir dalam mazhab Syafie ada tiga iaitu bapa, datuk dan pemilik hamba. Al-Syirbini, (t.t) Adapun wali ikhtiar (bukan mujbir) adalah berdasarkan urutan keutamaan seperti berikut:

1. Bapa;
2. Datuk sebelah bapa dan ke atas;
3. Adik-beradik lelaki seibu sebapa;
4. Adik-beradik lelaki sebapa;

5. Anak saudara (anak kepada adik-beradik lelaki seibu sebapa);
6. Anak saudara (anak kepada adik-beradik lelaki sebapa);
7. Bapa saudara seibu sebapa (adik-beradik lelaki kepada bapa yang seibu sebapa);
8. Bapa saudara sebapa (adik-beradik lelaki kepada bapa yang sebapa);
9. Sepupu (anak lelaki kepada bapa saudara yang seibu sebapa);
10. Sepupu (anak lelaki kepada bapa saudara yang sebapa);
11. Mu'tiq (tuan kepada hamba yang dimerdekakan) dan *asabahnyanya*;

Jika semua wali di atas tidak ada maka yang menjadi wali ialah wali sultan. Seorang wali yang ingin menikahkan calon pasangan pengantin disyaratkan perlu:

- a. Beragama Islam sepertimana dinyatakan oleh Al-Hisni, (t.t.).
- b. Menjadi wali dalam keadaan suka rela, bukan secara paksa.
- c. Merdeka.
- d. Lelaki.
- e. Mukallaf.
- f. Tidak fasiq.
- g. Tiada terlampau tua atau mempunyai masalah mental.
- h. Tidak termasuk dalam golongan yang ditahan daripada menggunakan harta kerana disebabkan kebodohan atau terlampau boros.
- i. Al-Syatiri (2020) menyatakan bahawa calon tidak berada dalam keadaan ihram haji atau umrah
- j. Dua orang saksi.

#### **D. Dua Orang Saksi Lelaki**

Syarat yang diletakkan kepada dua orang saksi kepada perkahwinan mestilah memenuhi kriteria berikut:

1. Beragama Islam.
2. Baligh.
3. Berakal.
4. Lelaki.
5. Merdeka.
6. Para wali juga perlulah bersifat adil seperti mana dinyatakan oleh Baafdhal, (t.t.),

#### **E. Ijab dan Qabul (akad nikah)**

Mustafa Abd al-Ghayy (2001) menjelaskan bahawa akad nikah merupakan sighth atau akad yang terdiri dari lafaz ijab berserta qabul dan merupakan lafaz yang menggambarkan persetujuan dan keredhaan daripada kedua belah pihak yang berakad terhadap sesuatu rukun. Al-Zuhaili (2015) menyatakan peranan lafaz akad nikah ini amat penting dalam pembentukan perkahwinan kerana keredhaan

daripada pihak yang berakad merupakan satu perkara yang lahir daripada hati dan tersembunyi yang perlu kepada satu kenyataan yang lebih jelas berbentuk lafaz.

Dalam menentukan pengesahan akad nikah, beberapa syarat perlu dipenuhi iaitu:

- a. Menggunakan lafaz khas iaitu perkataan tazwij dan inkah atau mana-mana perkataan yang berasaskan daripada dua lafaz tersebut secara jelas dan nyata;
- b. Lafaz ijab dan qabul hendaklah diucapkan secara bersambung tanpa tiada sebarang pemisah di antara keduanya, kecuali dalam tempoh yang terlalu pendek seperti dipisahkan dengan tarikan nafas, bacaan bismillah dan sebagainya;
- c. Kelayakan sebagai wali dan calon suami kekal sehingga akad sempurna dengan selesainya lafaz qabul;
- d. Lafaz akad mestilah tidak terikat dengan sebarang syarat yang mendatang seperti dikaitkan dengan ketibaan bulan tertentu;
- e. Al-Zuhaili (2015) menyatakan lafaz akad tidak dihadkan dengan tempoh waktu yang tertentu seperti untuk tempoh sebulan, setahun atau sebagainya
- f. Baafdhal, (t.t.) menegaskan bahawa lafaz akad Ijab dan Qabul mestilah didengari dan difahami oleh mereka yang berakad

Menurut jumhur fuqaha, ijab merujuk kepada lafaz daripada pihak wali perempuan atau wakil kepada wali tersebut, manakala qabul pula merujuk kepada lafaz persetujuan untuk berkahwin daripada calon suami. Al-Zuhaili (2015) menjelaskan akad perkahwinan masih dikira sah sekiranya kedudukan lafaz tersebut berlaku sebaliknya, iaitu ijab daripada calon suami dan qabul daripada pihak wali perempuan. Baafdhal, (t.t) memberikan contoh berkaitan lafaz ijab yang paling ringkas daripada seorang wali ialah dengan mengungkapkan “aku nikahkan kamu dengan anak perempuanku” manakala contoh lafaz qabul yang paling ringkas pula “aku terima nikahnya” Adapun lafaz ijab yang lazim digunakan di Malaysia adalah “aku nikahkan kau dengan fulanah binti fulan dengan mas kahwinnya sejumlah wang ringgit tunai”. Bagi lafaz qabul daripada calon pengantin lelaki pula “aku terima nikahnya fulanah binti fulan dengan mas kahwin sejumlah wang ringgit tunai” sepertimana dijelaskan oleh Mohamad som dan Abdul basir, (2009).

### **Mahar (Mas Kawin)**

Al-Zuhaili (1997) mendefinisikan mahar dengan harta yang menjadi hak seorang isteri kerana terjadinya akad atau persetubuhan secara nyata. Selain itu, Wahyu (2016) mendefinisikan mahar sebagai tanda kesungguhan seorang laki-laki untuk menikahi seorang wanita. Mahar juga merupakan pemberian seorang laki-laki kepada perempuan yang dinikahnya, yang selanjutnya harta tersebut akan menjadi hak milik istri secara keseluruhan. Dalam Islam, calon pengantin lelaki bebas menentukan bentuk dan jumlah mahar yang diinginkan karena tidak ada batasan mahar dalam syariat Islam, tetapi yang disunnahkan adalah mahar itu sesuai dengan kemampuan pihak calon pengantin lelaki. Namun, agama Islam menganjurkan agar meringankan mahar. Rasulullah saw. bersabda:

Maksudnya: *Sebaik-baik mahar adalah mahar yang paling mudah (ringan)*. (H.R. Ibn Hibban hadis no: 2692)

Dasar pemberian mahar disebut dalam Al-Quran dan sunnah, diantaranya:

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَتِهِنَّ مَخْلَعًا ۚ فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيمًا مَّرِيًّا ٤

Maksudnya: Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya. (Surah An-nisa ayat 4)

### **Perkahwinan disebut sebagai perjanjian yang kuat (*Mitsāqān Ghalizhān*)**

Di dalam Al-Quran, perkahwinan disebut sebagai perjanjian atau ikatan yang kuat (*Mitsāqān Ghalizhān*). Perkara ini dapat dijelaskan melalui Surah An-nisa:

وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنْكُمْ مِّيثَاقًا عَلِيمًا ٢١

Maksudnya: Dan bagaimana kamu tergamak mengambil balik pemberian itu padahal kasih mesra kamu telah terjalin antara satu dengan yang lain, dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) telahpun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu? (Surah An-nisa ayat 21).

Menurut Quraish (2008) perkahwinan boleh dipanggil perjanjian yang kuat kerana wujud banyak ketentuan, syarat, dan pedoman yang ditetapkan oleh Islam baik dari segi fizikal, psikologi, termasuk hubungan material dan keluarga juga sebagai hubungan pasangan suami isteri. Perkahwinan disebut sebagai *mitsāqān ghalizhān* kerana terikat dengan cinta, kasih sayang, dan kepercayaan. Tambahan lagi, jika cinta perjanjian dilanggar, masih ada sayang, dan jika sayang itu patah, masih ada mandat yang boleh diberikan oleh ibu bapa kepada anak yang mesti dikukuhkan dengan kalimah Allah.

### **Konsep Sakinah dalam pembentukan keluarga**

Kata "Keluarga " dan "Sakinah" merupakan gabungan dari dua suku kata sehingga menjadi sebuah definisi. Pengertian keluarga dibahagi menjadi dua, yaitu secara bahasa dan istilah. menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) keluarga secara literal bermaksud suami isteri serta anak-anaknya dan seisi rumah tangga, berasal daripada orang baik-baik, boleh juga diertikan pertalian kekeluargaan menerusi perkahwinan. Mengutip pandangan Ansori (2022) pengertian keluarga dalam bahasa arab adalah *ahlun*, tetapi disamping *ahlun* terdapat kata-kata yang bisa memiliki makna keluarga adalah *ahl* dan *ashir*. Akar kata (*ahlun*) adalah (*ahila*), yang bermaksud ramah, menyenangkan, dan suka. Teori lain adalah bahwa istilah *ahlun* berasal dari kata *ahala*, yang merupakan kata untuk pernikahan. Dari sudut lain, menurut konsep Islam berkenaan keluarga adalah penyatuan antara seorang lelaki dan seorang wanita melalui akad nikah dengan maksud untuk menghasilkan

anak, dan anak-anak yang dilahirkan menjadi zuriat yang halal berdasarkan agama Islam.

Menurut Mubarok (2014), keluarga Sakinah dalam kesusasteraan Timur Tengah disebut "usrah saidah" bermakna keluarga bahagia. Manakala menurut Kamus Dewan Bahasa edisi keempat (2015), Sakinah bermaksud aman, damai, tempat yang aman dan damai. Dari segi bahasa, perkataan "Sakinah" boleh difahami sebagai tenang, selamat, penyayang dan terhormat. Walau bagaimanapun, Keluarga bahagia masih belum memenuhi kriteria konsep Sakinah. Konsep "sakinah" bukanlah hasil akhir, tetapi sesuatu yang berterusan. Ini sebagaimana yang telah diterangkan dalam Al-Quran dengan lafaz:

لَتَسْكُنُوا إِلَيْهَا

Maksudnya: supaya kamu merasa nyaman kepadanya (Surah Ar-Rum ayat 21)

Al-Quran menggunakan bentuk kata kerja (*fi'il mudhari*) yang menunjukkan waktu semasa dan masa hadapan (*mustaqbal*). Justeru, konsep keluarga Sakinah adalah kesinambungan perjuangan seseorang untuk membina dan mencapai keamanan, kasih sayang dan kedamaian. Sakinah membawa maksud kedamaian, ketentraman, ketenangan, kebahagiaan. Oleh itu, jelaslah bahawa konsep keluarga Sakinah mengandungi makna keluarga yang diliputi rasa damai, tentram, juga. Jadi keluarga Sakinah adalah situasi yang sangat sesuai dalam kehidupan keluarga.

Mengutip pandangan Khairani (2020) perkataan Sakinah berasal daripada bahasa Arab yang secara etimologi bermakna (*thuma'niinat al-qalb*) iaitu ketenangan jiwa. Dalam Islam, Sakinah adalah sumber harapan pertama untuk masa depan, bangsa dan negara. Impian keluarga Sakinah adalah perkara biasa bagi setiap muslim, hatta bukan muslim. Keluarga Sakinah dalam perspektif Islam ialah gambaran keluarga yang mampu memberikan ketenangan, ketenteraman, kesejukan, kedamaian yang berteraskan keimanan dan ketakwaan serta dapat menjalankan syariat ketuhanan dengan sebaik mungkin. Di sinilah semua ahli keluarga dapat bertukar-tukar fikiran, berkongsi suka duka, bersama-sama memberikan penyelesaian kepada masalah dalaman dan luaran, tempat memberi hajat dan nasihat yang akhirnya dapat melahirkan rumah tangga yang dirahmati Allah SWT.

Mengutip pandangan Eka Prasetiawan (2017) pula, perkataan Sakinah berasal dari kata *sakana* – *yaskunu* yang bermaksud sesuatu yang tetap setelah bergerak (tsubutu *as – sya'I ba'da taharruk*) manakala pisau dalam bahasa arab disebut *Sikkin*, karena ia adalah alat yang membuat haiwan yang disembelih menjadi tidak bergerak yang sebelumnya meronta-ronta. Perkataan Sakinah dari sudut terminologi membawa maksud damai atau tenang dan tentram seerti dengan perkataan *Sa'adah* (bahagia), keluarga yang penuh rasa kasih sayang dan memperoleh rahmat Allah SWT.

Oleh itu, konsep Sakinah membawa kedamaian, ketentraman, ketenangan dan kebahagiaan. Secara tuntas, keluarga Sakinah bermakna keluarga yang diliputi rasa damai, tentram dan tidak mudah goyah apabila menerima ujian dalam

menghadapi pancaroba alam perkahwinan. Setiap pasangan yang menikah, mestilah mengaplikasikan konsep keluarga Sakinah dalam perkahwinan kerana ia merupakan konsep yang sangat ideal dan menjadi tujuan utama dalam kehidupan berkeluarga.

### **Peranan Sakinah dalam perkahwinan menurut Al-Quran**

Konsep "Sakinah" dalam keluarga memainkan peranan penting dalam memupuk harmoni dan ketenangan dalam dinamik rumah tangga Islam. Menurut ajaran Islam, "Sakinah" merujuk kepada keadaan damai, kesejahteraan, dan ketenangan yang seharusnya wujud di antara ahli keluarga. Konsep ini bersumber daripada ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW yang menekankan pentingnya menjaga hubungan harmonis dalam keluarga.

1. **Keseimbangan dan Harmoni:** Al-Quran mendorong suami-isteri untuk bersikap adil dan berkasih sayang satu sama lain, mempromosikan hubungan yang seimbang dan harmonis sebagaimana disebut dalam Al-Quran:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ٢١

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu pasangan-pasangan dari jenismu sendiri, supaya kamu merasa nyaman kepadanya. Dan Dia menjadikan di antara kamu rasa belas kasihan dan belas kasihan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang yang berfikir (Surah Al-Rum, 30: 21).

Keseimbangan ini menyumbang kepada suasana "Sakinah" dalam keluarga, di mana saling hormat-menghormati dan kerjasama adalah penting.

2. **Kestabilan Emosi**

Konsep "Sakinah" menekankan kepentingan keselamatan emosi dalam keluarga. Komunikasi yang efektif, penyelesaian konflik dengan cara yang damai, dan menghormati perasaan masing-masing ditekankan untuk mengekalkan kestabilan emosi sebagaimana disebut dalam Al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرِهًا ۗ وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَآءَاتِنَهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُبِينَةٍ ۗ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۗ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ١٩

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu

bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu). (Surah An-nisa, ayat 19).

### 3. Pendidikan dan Pembinaan

Orang tua bertanggungjawab untuk mendidik dan membesarkan anak-anak dalam lingkungan kasih sayang dan ketenangan. Anak-anak yang dibesarkan dalam suasana seperti ini cenderung berkembang dengan nilai-nilai positif dan akhlak yang mulia sebagaimana disebut dalam Al-Quran:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ۗ ٧٤

Maksudnya: Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa (Surah Al-furqan, ayat 74).

### 4. Ketaatan kepada Allah

Pusat kepada konsep "Sakinah" adalah pengabdian keluarga secara kolektif kepada Allah. Melaksanakan ibadah bersama-sama, seperti solat berjemaah, membaca Al-Quran, dan berdoa sebagai satu kesatuan keluarga, memperkuat ikatan spiritual dan memupuk rasa "Sakinah" sebagaimana disebut dalam Al-Quran:

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةً مُسْلِمَةً لَكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ  
الرَّحِيمُ ١٢٨

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua: orang-orang Islam (yang berserah diri) kepadaMu, dan jadikanlah daripada keturunan kami: umat Islam (yang berserah diri) kepadamu, dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara-cara ibadat kami, dan terimalah taubat kami; sesungguhnya Engkau adalah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani; (Quran 2:128).

Rujukan dari Al-Quran ini menegaskan pentingnya mengamalkan konsep "Sakinah" dalam kehidupan keluarga menurut ajaran Islam, dengan menekankan perdamaian, saling hormat-menghormati, dan pembangunan spiritual dalam rumah tangga.

Menurut Mubarak, (2014) menegaskan bahwa keluarga Sakinah tidak dapat terwujud di permulaan pernikahan, tidak pula tiba-tiba hadir dengan limpahan harta benda atau kemewahan, tidak juga hadirnya oleh pasangan yang menawan, ataupun prestasi gemilang yang dapat dicapai. Walaupun demikian, suatu keluarga dikatakan memiliki Sakinah apabila telah mengalami perjalanan usia pernikahan 30, 40, atau 50 tahun. Semakin lama usia perkahwinan semakin tinggi nilai keteladan sebagai keluarga Sakinah. Konsep keluarga Sakinah belumlah sempurna dinilai kepada pasangan muda, karena belum diuji

dengan dahsyatnya arus kehidupan. Oleh itu, konsep Sakinah memiliki peranan tersendiri dalam urusan rumah tangga

### **Lafaz Sakinah daripada pandangan mufassirin.**

Dalam menjelaskan lafaz (لَتَسْكُنُوا إِلَيْهَا) sebahagian ulama memfokuskan pada lafaz secara berbentuk tunggal, manakala sebahagian yang lain mengaitkannya dengan lafaz *Mawaddah* dan *Rahmah*. Berikut merupakan tafsiran muktabar dari tokoh-tokoh bidang ilmu tafsir berkenaan tentang keluarga *sakinah* bersumber dari Al-Quran:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ٢١

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu pasangan-pasangan dari jenismu sendiri, supaya kamu merasa nyaman kepadanya. Dan Dia menjadikan di antara kamu rasa belas kasihan dan belas kasihan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang yang berfikir. (Surah Al-Rum, 30: 21)

Di dalam menafsirkan ayat (لَتَسْكُنُوا إِلَيْهَا) Ibn Kathir (1994) menjelaskan bahawa tercapainya objektif utama perkahwinan iaitu ketenangan apabila terciptanya gender kedua, melalui penciptaan Hawa dari jenis manusia juga dari tulang rusuk kiri Adam. Sekiranya manusia hanya satu jantina iaitu lelaki sahaja atau daripada jenis haiwan, maka tidak akan tercapai perasaan saling bermesraan/berkasih-kasih di antara pasangan bahkan saling melarikan diri serta berjauhan. Untuk menyempurnakan lagi rahmat Allah untuk manusia, Allah menjadikan antara suami isteri sifat *Mawaddah* iaitu kasih sayang dan *Rahmah* iaitu lembut dan pengampun. Lelaki akan cenderung kepada perempuan samada kerana kasih atau kasihan kepadanya terutama apabila mereka mendapat cahaya mata atau isteri berhajat kepada suami daripada segi naah atau bermesra-mesraan di antara keduanya.

Abd al-Karim al-Khatib (t.t) pula menafsirkan bahawa di sebalik perkataan (لَتَسْكُنُوا إِلَيْهَا) terdapat nikmat serta hikmat yang tersembunyi. Nikmat dan hikmat tersebut ialah dengan berhimpun manusia iaitu daripada jenis yang sama, antara lelaki dan perempuan, jiwa mereka akan terasa tenang dan penuh kerehatan iaitu ketenangan perasaan dan hati. Sesungguhnya tiada nikmat yang paling besar selain nikmat tercapainya ketenangan dan keamanan. Seterusnya beliau menjelaskan lagi bahawa sifat *Mawaddah* dan *Rahmah* terhasil daripada tindak balas saling berjinak dan saling merasai sifat tenang. Kalaulah tidak kerana ketenangan dan kejinakan, *Mawaddah* dan *Rahmah* tidak akan terhasil. Susunan Al-Quran yang memisahkan antara perkataan *Sakinah*, *Mawaddah* dan *Rahmah* mempunyai signifikannya yang tersendiri samada dari segi fizikal atau naluri manusia. Pertama, dari segi fizikal, tercantum dua bentuk fizikal dari jenis yang sama yang boleh menimbulkan ketenangan. Kedua, hasil ketenangan tersebut, mereka dapat merasakan perasaan *Mawaddah* dan *Rahmah* untuk memenuhi naluri kemanusiaan yang merupakan hasil dari ketenangan yang pertama. Tidak semua pertemuan di antara sesama jenis yang dapat membuahkan *Mawaddah* dan *Rahmah*. Ini tercapai sekiranya syarat

pertama iaitu Sakinah berhasil maka perasaan Mawaddah dan Rahmah akan terbentuk.

Muhammad Sayyid al-Tantawi (1998) salah seorang bekas Mufti Besar Mesir (1996-2010) menjelaskan bahawa ayat (لَتَسْكُنُوا إِلَيْهَا) menerangkan sebab penciptaan mereka (suami isteri) melalui jalan ini, iaitu dijadikan bagi kamu (lelaki) dari jenis kamu akan pasangan supaya kamu tenang kepada pasanganmu, dan cenderung antara satu sama lain. Sesama jenis itu membawa maksud lebih cenderung dan sehati iaitu serasi dan jinak. Mawaddah iaitu mahabbah dan rafah (kasihan belas), yang mana tidak terdapat di antara kamu sebelum itu. Perasaan ini terdapat selepas berlaku perkahwinan secara sah antara lelaki dan perempuan.

Al-Qurtubi (1987) menaqqalkan tafsiran ulama' sebelumnya seperti Ibn Abbas dan Mujahid. Menurut mereka, Mawaddah bermaksud hubungan kelamin dan Rahmah pula adalah anak. Dikatakan oleh sesetengah ulama' bahawa Mawaddah dan Rahmah bermaksud hati manusia saling sandar-menyandar antara satu sama lain. Al-Suddy berkata: Mawaddah ialah mahabbah atau lebih hampir kepada cinta atau kasih dan Rahmah ialah al-shafaqah iaitu kasihan-belas. Ibn Abbas juga berkata bahawa al-Mawaddah ialah cinta suami kepada isterinya. Al-Rahmah pula sifat kasihannya kepada isteri dari ditimpa musibah dan kejahatan. Tambah al-Qurtubi lagi, di dalam menafsir perkataan (لَتَسْكُنُوا إِلَيْهَا) perkara pertama antara lelaki dan perempuan ialah sifat tenang yang terdapat dalam jiwa lelaki apabila berada di samping perempuan. Begitu juga terdapatnya gejala nafsu lelaki. Di dalam melakukan hubungan kelamin di antara suami isteri, apabila suami telah sampai klimaks dan kehendak nafsu batinnya terlaksana, ia berasa tenang dengan isterinya. Juga dijadikan alat kelamin (suami dan isteri) untuk tujuan pasangan masing-masing. Sekiranya pasangan (isteri) menghalang suami dari melakukan hubungan kelamin, maka ini adalah satu kezaliman dan akan menimbulkan masalah yang besar.

Al-Suyuti (2003) menafsirkannya secara ringkas berdasarkan pandangan ulama terdahulu iaitu Mawaddah itu al-jima iaitu balasan suami isteri dan Rahmah anak, hasil daripada balasan ini dan perasaan suami isteri terhadap anaknya. Begitu juga Ibn Atiyyah al-Andalusi, mentafsirkan perkataan Mujahid, al-Hasan dan Ikrimah iaitu Mawaddah bererti al-jima' dan Rahmah bererti al-Walad iaitu anak.

Al-Imam Fakhr al-Din al-Razi (t.t) menerangkan ayat-ayat (لَتَسْكُنُوا إِلَيْهَا) sebagai ketenangan jiwa dan juga ketenangan fizikal. Secara umumnya, beliau bermaksud ketenangan fizikal adalah permulaan dalam kehidupan suami isteri dan ketenangan jiwa adalah objektif utama. Dalam menafsirkan perkataan Mawaddah, Fakhr al-Razi menafsirkan pelbagai pandangan ulama termasuk perasaan Mawaddah hasil daripada persetubuhan suami isteri (al-mujama'ah). Manakala Rahmah pula datang dengan zuriat (anak). Al-Razi memberikan penjelasan yang agak terperinci dalam mentafsir istilah ini. Beliau menjelaskan setengah ulama' menyatakan bahawa Mawaddah adalah syarat keperluan diri sendiri manakala Rahmah pula adalah syarat keperluan pasangan baginya. Perasaan Mawaddah adalah keadaan pertama yang muncul pada pasangan dan diikuti oleh perasaan Rahmah. Secara ringkasnya,

suami isteri tidak akan menjadikan nafsu sebagai sandaran utama apabila sudah tua atau sakit, berbeza dengan perasaan Rahmah yang akan terus berkekalan dalam kehidupan suami isteri.

Imam al-Tabari (1999) mengambil pendekatan penjelasan falsafah ketika menerangkan maksud Mawaddah dan Rahmah. Katanya, wujudnya ikatan perkahwinan antara suami isteri boleh menimbulkan perasaan Mawaddah iaitu saling menyayangi dan berhubung antara satu sama lain. Ikatan perkahwinan melahirkan sifat-sifat cinta dan kasih sayang, ada Rahmah kerana ikatan ini membuatkan mereka saling memerlukan.

## **PERBINCANGAN**

### **Elemen penting dalam membentuk Keluarga Sakinah menurut mufasirin**

Perkaitan antara konsep "Sakinah", "Mawaddah", dan "Rahmah" dalam konteks keluarga Islam adalah sangat erat dan saling melengkapi. Ketiga konsep ini merujuk kepada nilai-nilai dan suasana yang diharapkan hadir dalam kehidupan berkeluarga yang ideal menurut dalil-dalil Al-Quran:

1. Sakinah: Merujuk kepada keadaan ketenangan, damai, dan kesejahteraan dalam hubungan antara suami-isteri serta di antara anggota keluarga lainnya. Konsep ini menekankan pentingnya menjaga harmoni dan saling menghormati dalam rumah tangga, serta menciptakan lingkungan yang tenteram dan tenteram.
2. Mawaddah: Merupakan kasih sayang dan cinta yang mendalam antara suami dan isteri, serta antara orang tua dan anak-anak. Mawaddah mencakup pengertian dan perhatian yang penuh kasih dalam memberikan dukungan emosional dan moral dalam keluarga.
3. Rahmah: Merujuk kepada belas kasihan, kelembutan, dan perhatian yang diperlihatkan dalam keluarga. Konsep ini mencakup sikap saling memaafkan, mendukung, dan memahami satu sama lain, serta memberikan bantuan dan perlindungan yang dibutuhkan antara anggota keluarga.

Al-Alusi (1985) menjelaskan bahawa kesemua penafsiran berkaitan dengan Sakinah, Mawaddah dan Rahmah merupakan "tanda-tanda" yang amat agung yang manusia tidak tercapai untuk mengkaji kandungannya dan tidak dapat diukur dengan sebarang alat pengukur. Hubungan manusia berbeza dengan haiwan kerana mereka bukan semata-mata memuaskan nafsu sahaja, tetapi berzikir ke arah kebesaran Allah swt, makrifat terhadapNya dan beribadah kepadaNya.

Selain itu, Al-zuhaili (2009) seorang cendekiawan kontemporari, menjelaskan di antara tanda-tanda kekuasaan Allah swt adalah menjadikan kehidupan pasangan suami isteri dari jenis yang sama, iaitu spesies manusia. Hikmahnya ialah perasaan kasih sayang dan kasihan-belas dapat dirasai oleh kedua-dua belah pihak. Perasaan ini tidak akan tercapai dan dirasai sepenuhnya sekiranya mereka dari dua jenis makhluk yang berbeza. Al-Zuhaili (2009) menjelaskan lagi bahawa Mawaddah dan Rahmah adalah asas kepada ketenangan. Ketenangan hakiki dapat dicapai apabila bermulanya perasaan kasih dan sayang antara kedua suami isteri dan daripada perasaan tersebut lahir rasa kasihan belas.

Perkaitan ketiga konsep ini menunjukkan bahwa keluarga yang ideal dalam Islam adalah keluarga yang tidak hanya hidup dalam suasana damai dan harmonis (Sakinah), tetapi juga dilandasi oleh kasih sayang yang mendalam (Mawaddah) dan penuh dengan belas kasihan serta perhatian (Rahmah) antara semua anggota keluarga. Dengan menerapkan nilai-nilai ini, diharapkan keluarga dapat menjadi pondasi yang kuat dalam membangun masyarakat yang beriman dan bermoral. Untuk merealisasikan kestabilan jiwa antara suami isteri, semestinya memerlukan timbal balas kedua-dua pihak dan inilah rahsia perkahwinan. Menurut Khalid (1999), Untuk merealisasikan kestabilan jiwa antara suami isteri, semestinya memerlukan timbal balas kedua-dua pihak dan inilah rahsia perkahwinan. Begitu juga hakikat sebenar perkahwinan bukan sekadar kerehatan fizikal bahkan juga ketenangan jiwa

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, terdapat tiga tema yang berkaitan dengan kajian tentang Konsep Keluarga Sakinah dalam Islam, Perbincangan Sisi Pandang Mufasirin.

Tema yang pertama memberi fokus kepada kajian tentang konsep perkahwinan dalam Islam. perkahwinan adalah salah satu ibadah yang dianjurkan dalam Islam dan ia nya merupakan satu tuntutan agama dalam meraikan fitrah manusia untuk berpasangan. Dapat difahami bahawa perkahwinan adalah akad yang boleh menghalalkan hubungan antara lelaki dan perempuan dengan syarat mengikut syarat dan rukun yang telah ditetapkan oleh Syarak. Matlamat perkahwinan juga adalah untuk menjaga keturunan, memelihara kesucian diri, melaksanakan tuntutan syariah dan memperoleh ketenangan hidup. Pasangan yang ingin berkahwin perlulah mengikut rukun dan syarat nikah yang telah ditetapkan oleh syarak dan perundangan Islam. Hal ini kerana, jika salah satu rukun atau syarat nikah ini tidak dipatuhi atau tertinggal, sesuatu perkahwinan itu dikira batal.

Bagi tema kedua pula mengenai peranan dan konsep Sakinah menurut Al-Quran, Al-Quran menegaskan pentingnya mengamalkan konsep "Sakinah" dalam kehidupan keluarga menurut ajaran Islam, dengan menekankan perdamaian, saling hormat-menghormati, dan pembangunan spiritual dalam rumah tangga. Tema ketiga berkaitan pandangan ahli tafsir terhadap Lafaz Sakinah. Konsep *Sakinah*, dalam QS. al-Rum ayat 21, mempunyai banyak penafsiran. Penafsiran ini tidak jauh berbeda dengan penafsiran yang dikemukakan oleh mufassir lainnya. Sedangkan dalam menafsirkan konsep *Mawaddah* dan *Rahmah*, ada yang merujuk kepada berbagai pendapat para ulama, sehingga apa yang dijelaskannya, menurut penulis sifatnya meraikan daripada pelbagai pendapat. Sebagai contoh, Imam Mujahid dan Ikrimah yang berpendapat bahwa kata *Mawaddah* adalah sebagai ganti dari kata "*nikah*" (bersetubuh), sedangkan kata *Rahmah* sebagai kata ganti "*anak*". Ada yang berpendapat bahwa *Mawaddah* tertuju bagi anak muda, dan *Rahmah* bagi orang tua. Ada pula yang menafsirkan bahwa *Mawaddah* ialah rasa kasih sayang yang makin lama terasa makin kuat antara suami istri.

Berdasarkan bentuk dan corak penyelidikan yang dikaji, didapati bahawa terdapat ruang yang luas bagi penyelidikan mengenai institusi keluarga, meskipun kajian yang ada telah melihat daripada pelbagai aspek dan perspektif dalam pelbagai bidang pengajian. Kajian berkaitan pengaplikasian konsep sakīnah, Mawaddah dan rahmah dalam aspek-aspek khusus dalam perhubungan suami isteri masih belum diketengahkan lagi dalam topik yang khusus. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa perhubungan suami isteri banyak dibincangkan dalam topik-topik umum seperti faktor-faktor penceraian, kesejahteraan rumah tangga, pembentukan keluarga bahagia, permasalahan seks suami dan isteri, cara pengurusan konflik dalam rumah tangga dan faktor keharmonian dan keruntuhan keluarga dalam rumah tangga.

## RUJUKAN

### Buku

- Abu Ja'afar Muhammad Ibn Jarir Al-Tabari. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil Al-Quran*. (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1999).
- Jalal al-Din Al-Suyuti. *Al-Dur al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma'thur*. (Kaherah: Markaz Hijr li al-Buhuth wa al-Dirasat al-'Arabiyyah wa al-Islamiyyah, 2003).
- Abu Bakar Mahmud Jumi. *Raddu al-'Adhhan ila Ma'ani Al-Quran*. (Gadona: Mu'assasah Ghumbi li al-Tijarah, 1987).
- Imam al-Din Abi al-Fida' Ismail Ibn Kathir. *Tafsir Al-Quran al-Azim*. (Kaherah: Dar al-Hadith, 1994).
- Imam Fakhr al-Din Al-Razi. *Al-Tafsir al-Kabir*. (Beirut: Dar al-Fikr, (t.t)).
- Muhammad Sayyid Tantawi. *Al-Tafsir al-Wasit li Al-Quran al-Karim*. (Kaherah: Dar Nahdah Misr, 1998).
- Al-Zuhaili, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Jilid 9. Beirut: Dar al-Fikr, 1997.
- Al-Shatiri, Ahmad Ibn Umar. *Al-Yaqt al-Nafis fi Mazhab Ibn Idris*. Jedah: Dar al-Minhaj, 2020.
- Al-Shirbini, Shams al-Din Muhammad ibn Muhammad al-Khatib. *Mughni al-Muhtaj ila ma'rifah maa'ni alfaz al-minhaj -Minhaj*, ed. Ali Muhammad-Mawjud. Jilid 4. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1994.
- Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Ali ibn Yusof al-Fairuz Abadi. *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafie*. Beirut: Dar al-Qalam, 1996.
- Al-Zuhaili, Muhammad. *Al-Mu'tamad fi al-fiqh al-syafi'i -Fiqh al-Jilid 4*. Damshiq: Dar al-Qalam, 2015.

- Al-Dusuqi, Muhammad. *Al-Ahwal al-Syakhsiyyah fi al-Mazhab al-Syafi'I*. Qaherah: Dar al-Salam, 2011.
- Al-Hisni, Taqy al-Din Abu Bakr ibn Muhammad. *Kifayat al-Akhyar fi Hill Ghayat al-Ikhtisar*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, (t.t).
- Al-Jaziri, Abd al-Rahman. *Kitab al-Fiqh ala Madhahib al-Arba'ah*, ed. Muhammad Bakr Ismail. Jilid 4. Qaherah: Dar al-Manar, 1999.
- Mustafa Abd al-Ghayy Syaibah. *Ahkam al-Ushrah fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Libya: Jami'ah Sabha, 2001.
- Mohamad Som Sujiman & Abdul Basir Mohamad. *Fikah Kekeluargaan*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Na'im, Abdul Haris. *Fiqh Munakahat*. (penerbitan: Stain Kudus).
- Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Ali ibn Yusof al-Fairuz Abadi. *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafie*. Beirut: Dar al-Qalam, 1996.
- Wahbah al-Zuhaili. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr, 1997.

### **Jurnal**

- Husin, S. N. M. B. S., & Muda, T. F. M. T.. Konflik antara hak wali mujbir di bawah hukum syarak dan peruntukan had umur minimum perkahwinan. *Jurnal Islam dan masyarakat kontemporari*, 5, 7-16, 2011.
- Eka Prasetiawan. Penafsiran Ayat – Ayat Keluarga Sakinah, Mawaddah, WaRahmah dalam Tafsir Al – Misbah dan Ibn Katsir. *VOL. 5, NO. 02*, 2017.
- Ismatulloh, I.. Konsep Sakinah, Mawaddah dan Rahmah dalam Al-Qur'an (Prespektif Penafsiran Kitab Al-Qur'an dan Tafsirnya). *Mazahib*, 14(1).
- Sholehudin, M.. Kontekstualisasi Konsep Keluarga Sakinah: Pergulatan Pemikiran Hukum Keluarga dalam Tafsir Salaf. *Jurnal Hukum dan Syariah*, 12(2), 2020.
- Wibisana, W.. Pernikahan dalam Islam. *Jurnal Pendidikan Agama Islam-Ta'lim*, 14(2), 185-193.
- Ismail, W. A. F. W., Husin, S. N. S., Baharuddin, A. S., Mutalib, L. A., Mamat, Z., & Alias, M. A. A.. Konsep Perkahwinan Menurut Perspektif Fiqh dan Undang-Undang Islam di Malaysia. In *International Prophetic Conference (SWAN) FPQS USIM (No. 8th, pp. 14-28, December 2022)*.
- Ismail, W. A. F. W., Mamat, Z., Mutalib, L. A., Baharuddin, A. S., Alias, M. A. A., & Husin, S. N. S.. Perwalian dan Isu Berkaitan Dengannya Menurut Syarak dan Perundangan Islam Di Malaysia. In *International Prophetic Conference (SWAN) FPQS USIM (No. 8th, pp. 1-13, December 2022)*.
- Mubarok, A.. *Keluarga Sakinah Teladan*, Risalah, Edisi 50/Tahun VII/1436/ November.

**Akta**

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (2000).  
Kuala Lumpur: International Law Book Services.

**Internet**

Carian umum, maksud perkahwinan. (n.d.). Dewan Bahasa Dan Pustaka. Retrieved July 14, 2024, from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=perkahwinan>

Carian umum, maksud keluarga. (n.d.). Dewan Bahasa Dan Pustaka. Retrieved July 14, 2024, from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=keluarga>

Carian umum, maksud nikah. (n.d.). Dewan Bahasa Dan Pustaka. Retrieved July 14, 2024, from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=nikah>

Carian umum, maksud wali. (n.d.). Dewan Bahasa Dan Pustaka. Retrieved July 14, 2024, from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=wali>